

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Pertanyaan dari:

Abdul Samad bin Karim,
Hutan Melintang, Perak.

Soal

Adakah masuk ke dalam nama **amal jariah**, kalau seseorang bersedekah wang kepada orang yang meminta-minta (mengemis), dengan maksud untuk buat belanja menunaikan fardu haji ke Makkah?

Jawab

Bersedekah itu adalah suatu amalan yang sangat dipuji oleh agama kita, malahan Allah memerintahkan kepada kita supaya bersedekah kepada siapa sahaja daripada orang-orang yang fakir miskin.

Meminta-minta sedekah atau mengemis itu adalah suatu perbuatan yang dibenci oleh Islam; sehingga dalam soal ini Rasulullah (S.A.W.) ada pernah bersabda begini:

“Walladhī nafsi biyadihi la’an yakhuzuhu aḥadukum ḥablahu fayahṭaḥiba ‘ala zahrihi khayru lahi min an ya’ī rajulā fayas’alahu a’ṭāhu aw mana’ahu”

Ertinya: “Demi Tuhan yang diriku didalam peliharaan-Nya; sesungguhnya seseorang daripada kamu mengambil talinya, lalu ia memikul kayu api di atas bahunya itu, lebih baik daripada

ia datang kepada seseorang untuk meminta-minta sama ada orang itu memberinya atau pun tidak.”

(Hadith sahih riwayat al-Bukhari, al-Tarmidhi dan an-Nasā’i).

Maksud hadith di atas:

Seseorang yang membawa tali lalu pergi mencari kayu api ke dalam hutan, lantas ia ikat dan pikul kayu itu di atas bahunya pergi ke pasar untuk menjualnya, maka pekerjaannya itu ada lebih baik daripada ia menjadi seorang peminta sedekah meminta belas kasihan orang di sepanjang jalan.

Dan di dalam suatu hadith yang lain Rasulullah (S.A.W.) ada bersabda:

“Inna al-masū’ūnā kakhayr al-khubbū’ al-rajulū wajhahu illā an yas’alu al-rajulū sulṭāni aw fi amri lā budda minhu”

Ertinya: “Sesungguhnya meminta itu satu cakaran yang dengannya seseorang itu mencakar mukanya; melainkan (boleh) ia meminta-minta kepada sultan atau dalam perkara yang tidak boleh tidak.”

(Hadith sahih riwayat Abu Daud, al-Tarmidhi dan an-Nasā’i).

Ada pula tersebut di dalam suatu riwayat yang lain, maksudnya; Bahawa dua orang lelaki yang gagah dan berbadan tegap pernah datang berjumpa dengan Rasulullah (S.A.W.) dengan tujuan untuk meminta-minta.

Setelah Rasulullah melihat akan ketegapan tubuh badan kedua-dua orang lelaki itu – yang sanggup berusaha mencari nafkah hidup – maka baginda pun bersabda kepada keduanya:

“Kalau kamu mahu juga, aku akan berikan kepada kamu, tetapi (ketahuilah) sesungguhnya sedekah itu bukan untuk orang kaya dan bukan pula untuk orang-orang yang boleh berusaha.”

Selain dari hadith-hadith di atas ada beberapa banyak lagi keterangan-keterangan dari hadith-hadith lain yang membenci dan mencela orang yang suka meminta-minta (mengemis); apatah lagi kalau meminta-minta itu dengan tujuan hendak buat belanja bagi menunaikan fardu haji, sekurang-kurangnya mereka mesti ada menaruh perasaan malu terhadap sesama manusia, kerana haji itu suatu kewajipan untuk seseorang, bukan untuk umum; sedangkan agama memerintah orang yang hendak naik haji itu mestilah terlebih dahulu mempunyai syarat-syarat yang cukup; iaitu cukup belanja untuk pergi dan pulang, cukup belanja untuk anak isteri yang tinggal, dengan tidak berhutang berbarih apa lagi sampai meminta sedekah.

Jadi orang-orang yang bersedekah atau berderma kepada orang yang meminta-minta dengan maksud untuk buat belanjanya bagi menunaikan fardu haji itu, maka sedekah atau dermanya itu tidaklah boleh dinamakan “**amal jariah**”. kerana yang dinamakan “**amal jariah**” itu ialah suatu amal yang diberikan guna untuk manfaat umum, seperti mendirikan masjid, membangunkan sekolah-sekolah, membina jambatan-jambatan dan

lain-lain amal yang bertujuan untuk manfaat umum. Ada pun pergi menunaikan haji itu adalah untuk manfaat perseorangan, bukan manfaat umum. Ertinya bukan semua orang yang diwajibkan oleh syarak untuk menunaikan ibadat haji itu; hanya buat orang yang mempunyai syarat-syarat yang tertentu sahaja.

Pertanyaan daripada

En. Mas'ud bin Sulaiman,
Tanjung Keling, Melaka.

Soal

“Apa hukumnya seseorang bersedekah atau berderma kepada orang-orang yang tidak mengerjakan perintah-perintah Allah, seperti sembahyang, puasa dan lain-lainnya.”

Jawab

Sedekah yang dimaksudkan oleh agama Islam itu, ialah dengan tujuan untuk menolong orang fakir miskin atau orang-orang yang di dalam keadaan susah, supaya dengan sedekah itu nanti dapat mereka meneruskan hidup mereka dengan senang dan gembira.

Dalil-dalil syarak yang terdiri daripada ayat-ayat Qur'an dan Hadith cukup banyak memerintah dan menggalakkan ke atas orang-orang Islam supaya bersedekah, tetapi di antara begitu banyak dalil-dalil dan keterangan-keterangan yang menyuruh bersedekah, tidak ada suatu pun dalil yang melarang supaya orang-orang Islam jangan bersedekah kepada orang-orang Islam yang tidak mengerjakan amal ibadat mereka. Malahan agama Islam menyuruh dan menggalakkan pemeluk-pemeluknya supaya bersedekah atau berderma kepada siapa-siapa sahaja yang difikirkan perlu menerima

sedekah atau derma itu, dengan tidak mengira sama ada orang yang menerima sedekah itu terdiri daripada ahli ibadat atau pun tidak, sama ada dia itu terdiri daripada bangsa apa atau agama apa, sedekah tetap digalakkan supaya diberikan kepada tiap-tiap orang yang hidupnya susah dan menderita.

Beginilah ketetapan dari hukum-hukum Allah. Ia mengetahui bahawa dengan memberikan sedekah atau derma kepada orang-orang yang tidak mengerjakan amal ibadat itu, nantinya ada harapan orang itu bersyukur kepada Allah, yang mana pada akhirnya akan tergeraklah hati mereka untuk mengerjakan segala perintah agama yang selama ini mereka lalaikan.

Sehingga kepada orang-orang kafir yang terang-terang dianggap sebagai musuh orang-orang Islam itu pun dibenarkan kepada kita menghulurkan sedekah atau derma kepada mereka, sebagaimana keterangan dari suatu hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Jabbar yang berbunyi:

“Anna rajulā min aṣḥābi nabiyi Allah ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam qālū: intasaddaqa ‘ala man laysa min ahli dīnina? Faanzala Allah fi dhalika al-Qur’ān: ‘laysa ‘alayka hudahum walakin Allah yahdi man yashā’ wamā tanfiqū min khayri falianfusikum wamā tunfiqūn illā ibtighā’ wajhu Allah wamā tunfiqū min khayri yuwaffā ilaykum waantum la tuḏlamūn”

Ertinya: “Bahawasanya beberapa orang daripada sahabat Nabi (S.A.W.) bertanya kepada beliau: “Bolehkah kami bersedekah kepada orang yang tidak seagama dengan kami?” Maka pada ketika itu juga Allah turunkan ayat Qur'an yang berbunyi: Bukan (kewajipan) kamu

memberi pertunjuk kepada mereka, tetapi Allah memberi pertunjuk kepada siapa-siapa yang dikehendaki-Nya; dan apa-apa yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) itu, adalah untuk diri kamu; dan tidak boleh kamu belanjakan (sesuatu) melainkan kerana mencari keredaan Allah; dan apa-apa yang kamu belanjakan akan disempurnakan (ganjarannya) kepada kamu serta kamu tidak akan dianiaya.”

Maksud ayat:

Kita tidak diwajibkan memimpin atau memberi pertunjuk kepada orang-orang kafir, kerana itu bukannya urusan kita, kerana memberi petunjuk kepada seseorang itu adalah urusan Tuhan semata-mata. Allah hanya menyuruh kita persampaikan kepada mereka itu akan ajaran dan perintah-perintah-Nya serta larangan-larangan-Nya. Urusan mereka mahu menerimanya atau tidak terpulanglah kepada Allah yang menentukannya. Balasan sedekah atau derma yang kita berikan kepada seseorang itu maka ganjaran pahalanya adalah kembali kepada diri kita sendiri. Kita tidak boleh bersedekah atau berderma melainkan semata-mata dengan niat kerana Allah, baharulah amalan sedekah atau derma kita itu mendapat ganjaran pahala daripada Allah. Lantaran itu setiap apa sahaja yang kita dermakan kepada seseorang, walaupun kepada orang kafir, maka semua itu akan mendapat pembalasan yang setimpal dari Allah, terutama kalau ada niat kita berderma kepada orang-orang kafir itu dengan tujuan untuk menjinakkan hati dan jiwa mereka supaya mahu memeluk agama Islam.

Dengan berpandukan ayat tersebut maka para ulama Islam berpendapat bahawa sedekah yang boleh kita berikan

kepada orang-orang yang bukan Islam itu ialah sedekah yang sunat sahaja; ada pun sedekah yang wajib seperti zakat harta, zakat fitrah, maka tidaklah boleh diberikan kepada orang-orang kafir.

Dalam pada itu menurut pendapat Imam Hanafi, boleh kita berikan zakat fitrah kita kepada orang kafir. Walau bagaimana sekalipun, meskipun ada mazhab yang mengharuskan zakat fitrah itu boleh diberikan kepada orang kafir, mala tidaklah bererti bahawa lebih baik kita mengeluarkan sedekah kepada orang-orang yang bukan seagama dengan kita. Kita wajib insaf bahawa kita kaum muslimin pada masa ini serba serbi dalam kekurangan; kedudukan kita rendah, kehidupan kita miskin, ekonomi kita pincang dan sedikit pun tidak ada kemajuan yang boleh kita bangga-banggakan kepada dunia *international* untuk memperlihatkan

kesucian dan ketinggian agama Islam yang kita anuti.

Hendaklah pula kita ingat bahawa tidak ada sesuatu kaum yang lain yang akan sudi menolong kita di dalam urusan rumah tangga kita sendiri. Kita sendirilah yang mesti bekerja dan berusaha; kita sendirilah yang mesti membanting tulang kita yang empat kerat untuk mengatasi segala kekurangan yang ada di dalam masyarakat bangsa kita.

Semuanya ini tidak syak lagi perlu kepada tenaga dan wang; kalau wang kita yang hanya sedikit itu kita berikan, kita dermakan kepada orang-orang asing yang bukan seagama dengan kita bagaimanakah boleh kita hendak membasmi segala kekurangan yang ada pada kaum kita sendiri?

Oleh kerana itu patutkah kita mesti bersedekah kepada orang yang

berlainan agama dan kepercayaan dengan kita, sebelum kemiskinan yang ada pada kita ini kita hapuskan terlebih dahulu dari masyarakat kita? Bersama-samalah kita memikirkannya!

Kata-kata Hikmat


Sebaik-baik sahabat itu ialah orang yang tidak berubah, walaupun keadaan zaman itu berubah.

* * *

Barangsiapa yang sanggup menganiaya dirinya sendiri, maka ia lebih sanggup menganiayai orang lain, dan barangsiapa yang sanggup meruntuhkan akan agamanya, maka ia lebih sanggup pula meruntuhkan kemuliaan dirinya.

* * *

Dunia itu awalnya payah dan akhirnya binasa. Halalnya diperhitungkan dan haramnya diazab.



Sebuah jambatan lalu lintas di Batu 5 Setengah *Off Serangoon Road* Singapura telah selamat dibuka dengan rasminya oleh Tuan Sia Kah Hui anggota *Parliament* bagi kawasan tersebut pada 17. 12. 66 yang lalu.